

**KEBERKESANAN PERKHIDMATAN UNIT PSIKOLOGI, KAUNSELING
DAN KERJAYA DALAM MEMBANTU KERJAYA PELAJAR
POLITEKNIK**

NURINAHAFIZA BINTI MANSOR

Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2012

ABSTRAK

Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya (UPKK) berperanan untuk membimbing seseorang individu dalam meneroka pilihan kerjaya dan membuat perancangan kerjaya. Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya dalam membantu kerjaya pelajar kejuruteraan di Politeknik. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti terdapat perbezaan yang wujud di antara tahap keberkesanan perkhidmatan UPKK terhadap jabatan kejuruteraan. Kajian ini menfokuskan kepada pelajar kejuruteraan semester enam di dua buah politeknik di utara Semenanjung Malaysia. Sampel yang dipilih berdasarkan kepada persampelan kelompok dan persampelan rawak mudah terdiri daripada 234 orang pelajar mewakili tiga jabatan kejuruteraan. Kajian dilakukan secara kaedah tinjauan melalui pengedaran soal selidik sebagai alat instrumen. Dapatan data analisis adalah menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif ialah min, sisihan piawai, kekerapan, dan peratusan dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) Versi 16.0. Statistik inferensi yang digunakan pula ialah ANOVA Satu Hala. Hasil kajian mendapati tahap keberkesanan perkhidmatan UPKK adalah tinggi. Analisis perbezaan tahap keberkesanan perkhidmatan antara jabatan kejuruteraan pula memperlihatkan tahap keberkesanan yang sama walaupun berbeza jabatan. Berdasarkan dapatan kajian ini, diharap dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dan beberapa cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan UPKK ini dan kadar keboleherjaan pelajar lebih tinggi dengan adanya perancangan kerjaya pada peringkat awal.

ABSTRACT

Psychology, Counseling and Career Unit (UPKK) serves to guide an individual in exploring career options and career planning. The research conducted was to see the effectiveness of the services Psychology, Counseling and Career Unit in helping engineering students career in Polytechnics. In addition, this research is to identify the difference that exists between the effectiveness of the UPKK services on engineering department. This research focuses on the semester engineering students 6 at two polytechnics in northern Peninsular Malaysia. The samples were selected based on cluster sampling and simple random sampling of 234 students representing three engineering departments. The research survey method through questionnaires as a tool of the instruments. The data obtained is analyzed with descriptive statistics and inferential statistics. The descriptive statistics is mean, standard deviation, frequency, and percentages using SPSS software (Statistical Package for Social Science) version 16.0. Inferential statistics used is the One-Way ANOVA. The results showed that the effectiveness UPKK service is high. Analysis of differences in the effectiveness of the between engineering department service will show the same level despite the difference in the effectiveness of the department. Based on the results, it is hoped will be beneficial to all parties those involved and several proposals to improve the services quality and rates UPKK higher employability with an early career planning.

KANDUNGAN

	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang	3
	1.3 Pernyataan masalah	6
	1.4 Tujuan kajian	7
	1.5 Objektif kajian	7
	1.6 Persoalan kajian	8
	1.7 Hipotesis kajian	8
	1.8 Kerangka konsep kajian	9
	1.9 Kepentingan kajian	12
	1.10 Skop kajian	12

1.11	Batasan kajian	13
1.12	Definisi operasi	13
1.13	Rumusan	16
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Perkhidmatan bimbingan kaunseling dan kerjaya	18
2.3	Definisi bimbingan	18
2.4	Objektif dan matlamat perkhidmatan bimbingan kaunseling kerjaya	19
2.5	Keberkesanan perkhidmatan bimbingan kaunseling kerjaya	19
2.6	Penerimaan pelajar terhadap peranan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya	20
2.7	Perancangan kerjaya	21
2.8	Cabaran pemilihan kerjaya kepada pelajar	22
2.9	Peranan kaunselor dalam kaunseling kerjaya	22
2.10	Teori perkembangan kerjaya	23
2.10.1	Teori Holland	24
2.10.2	Teori Ginzberg	25
2.10.3	Teori Donald Super	25
2.10.4	Teori Anne Roe	26
2.11	Kajian-kajian lepas	27
2.12	Rumusan	29
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	30
3.1	Pengenalan	30
3.2	Reka bentuk kajian	30
3.3	Kerangka kerja operasi	31
3.4	Populasi dan sampel kajian	34

3.5	Tempat kajian	35
3.6	Instrumen kajian	35
3.6.1	Soal selidik	36
3.6.2	Kesahan	37
3.6.3	Kebolehpercayaan	38
3.7	Kajian rintis instrumen	39
3.8	Proses pengumpulan data	40
3.9	Kaedah analisis data	41
3.10	Jangkaan dapatan	42
3.11	Rumusan	43
BAB 4	ANALISIS DATA	44
4.1	Pengenalan	44
4.2	Pengumpulan data	44
4.3	Analisis data	46
4.4	Statistik deskriptif	47
4.4.1	Analisis data bahagian I	47
4.4.2	Analisis data bahagian II	52
4.4.3	Analisis data bahagian III	60
4.5	Rumusan	62
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	64
5.0	Pengenalan	64
5.1	Perbincangan	64
5.1.1	Tahap penerimaan pelajar terhadap peranan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya	65

5.1.2	Tahap penerimaan pelajar terhadap peranan kaunselor Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya	68
5.1.3	Tahap keterlibatan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan oleh UPKK	71
5.1.4	Analisis perbezaan di antara tahap keberkesanan perkhidmatan UPKK terhadap jabatan kejuruteraan	73
5.2	Kesimpulan	74
5.3	Cadangan	77
5.3.1	Cadangan terhadap kajian	77
5.3.2	Cadangan untuk kajian akan datang	78
5.4	Penutup	79

RUJUKAN	81
----------------	-----------

LAMPIRAN	
-----------------	--

SENARAI JADUAL

2.1	Peringkat-peringkat perkembangan kerjaya Ginzberg	25
3.1	Bilangan responden mengikut politeknik	34
3.2	Nilai skor skala likert	37
3.3	Intrepretasi skor Alpha Cronbach	39
3.4	Julat skor min bagi tahap penerimaan responden	42
3.5	Kaedah penganalisan data	42
4.1	Bilangan soal selidik yang dihantar dan dipulangkan mengikut Politeknik	45
4.2	Bentuk analisis dapatan kajian	46
4.3	Taburan responden mengikut jantina	48
4.4	Taburan responden mengikut umur	49
4.5	Taburan responden mengikut jabatan	50
4.6	Taburan responden mengikut politeknik	51
4.7	Jadual penentuan tahap keberkesanan	53
4.8	Taburan skor min responden terhadap peranan perkhidmatanUPKK	54
4.9	Taburan skor min responden terhadap peranan Kaunselor UPKK	56
4.10	Taburan skor min responden bagi keterlibatan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan oleh UPKK	59
4.11	Analisis Ujian ANOVA Sehalu	62

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep kajian	10
1.2	Penerangan kerangka konsep kajian	11
3.1	Kerangka kerja operasi	33
4.1	Bilangan responden mengikut jantina	48
4.2	Bilangan responden mengikut umur	49
4.3	Pecahan peratusan mengikut jabatan	50
4.4	Pecahan peratusan mengikut politeknik	52

SENARAI SINGKATAN

UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
H ₀	-	Hipotesis nul
H _a	-	Hipotesis alternative
UPKK	-	Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya.
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi.
POLIMAS	-	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
PUO	-	Politeknik Ungku Omar.

SENARAI LAMPIRAN

A	Gantt Chart Projek Sarjana 1 dan 2	87
B	Jadual Krejcie Morgan	89
C	Soal Selidik	90
D	Pengesahan pakar soal selidik	97
E	Analisis kajian rintis instrumen	103
F	Surat kebenaran membuat kajian	107
G	Analisis maklumat latar belakang responden (Bahagian A)	110
H	Analisis data Bahagian B, C dan D	112
I	Graf taburan normal	129
J	Analisis ANOVA Sehalu	131

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Setiap pelajar yang menamatkan pengajian di universiti sama ada universiti kerajaan atau swasta pastinya menginginkan pekerjaan yang boleh menjamin masa depan mereka. Oleh disebabkan itu, pemilihan kerjaya khususnya kepada pelajar-pelajar tahun akhir sesuatu pengajian adalah satu proses yang begitu sukar. Pada umumnya, titik permulaan dalam proses pemilihan kerjaya ini adalah bermula semasa seseorang itu di bangku sekolah lagi. Sebagai contoh, dilema dalam memilih mata pelajaran pendidikan yang sesuai demi mendapatkan asas untuk sesuatu bidang kerjaya itu. Ia begitu rumit dan memberi tekanan kepada pelajar itu seandainya tidak disulami dengan pengetahuan yang cukup. Oleh itu, apabila tamat alam persekolahan dan pengajian, pemilihan jurusan akan menjadi pemangkin kepada kerjaya yang akan diceburi kelak. Dengan itu setiap individu perlu membuat keputusan mengenai kerjaya dan perlu menyelesaikan masalah berkaitan dengan pemilihan kerjaya yang betul. Ini adalah penting kerana pemilihan kerjaya yang tepat adalah menentukan corak kehidupan seseorang pada masa hadapan dan ia akan memberikan kesan dalam kesejahteraan hidup di dunia dan juga akhirat.

Demi memenuhi keperluan negara, persediaan yang lebih mantap ke arah penyertaan bidang kerjaya selaras dengan kemampuan diri haruslah diberi pertimbangan dengan adil. Pendedahan awal kerjaya adalah penting kerana ia adalah merupakan pendedahan kepada pengalaman, khususnya dalam kemahiran komunikasi (Saruwono, 2005). Oleh itu, graduan atau golongan pencari kerja sekurang-kurangnya harus tahu apakah kriteria - kriteria yang biasa diletakkan majikan apabila ingin melantik pekerja baru. Ini disebabkan setiap majikan

pastinya menginginkan pekerja yang berdedikasi dan berkualiti dan mempunyai komunikasi yang baik. Dengan cara ini, graduan dapat mempersiapkan diri agar dapat memenuhi kriteria yang diletakkan sebelum memohon jawatan berkenaan. Oleh disebabkan itu, satu unit khas iaitu Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya (UPKK) yang terletak di bawah unit kaunseling politeknik-politeknik seluruh negara adalah salah satu unit yang boleh membantu dan membimbing pelajar - pelajar politeknik dalam meneroka dunia kerjaya yang akan diceburi kelak.

Unit Bimbingan Kaunseling dan Kerjaya adalah berperanan sebagai membimbing seseorang individu dalam meneroka pilihan kerjaya, membuat perancangan kerjaya, menyediakan diri untuk latihan yang sesuai dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kerjaya (Suradi, 2004). Oleh itu, perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya yang terdapat di politeknik bersifat menyeluruh dan meliputi program perkembangan, pencegahan serta pemulihan. Matlamat unit ini adalah untuk memberi khidmat kaunseling kepada pelajar yang memerlukan bimbingan, panduan, pertolongan pada setiap masa, membantu dan membimbing pelajar menyelesaikan masalah peribadi, emosi, pelajaran, keluarga dan aspek-aspek lain serta dengan penubuhan unit ini juga dapat membimbing pelajar dalam melengkapkan diri dalam memilih kerjaya yang betul. Selain itu, unit ini juga berfungsi sebagai proses penemuan interaksi bersemuka antara kaunselor dengan pelajar yang mengakibatkan berlakunya perubahan pada pelajar. Apa yang penting semua masalah yang dihadapi seharusnya perlu mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan supaya perkhidmatan kaunseling dan kerjaya ini dapat dijalankan dengan sempurna. Rasionalnya, adakah Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya di politeknik ini dapat memberikan perkhidmatan yang sewajarnya kepada para pelajar?

Kerjaya bagi seseorang individu itu adalah untuk menentukan kehidupan mereka pada masa hadapan. Ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Mohd Salleh, Mahmud, & Amat (2006), menyatakan bahawa proses memilih dan merancang kerjaya adalah proses yang terpenting dalam kehidupan seseorang. Selalunya, antara persoalan yang sering kedengaran daripada pelajar-pelajar yang akan menamatkan pelajaran adalah, “Apakah kerja yang akan saya lakukan, dan apakah pekerjaan yang dapat saya jawat sekiranya saya memilih jalan kerjaya ini?” dan “adakah saya membuat pilihan yang betul?” Persoalan-persoalan ini sering berlegar-legar dalam pemikiran pelajar dalam menentukan arah pekerjaan yang akan mereka rasai kelak. Memang sukar hendak menjawab soalan-soalan ini melainkan apabila individu

tersebut pernah terlibat dengan pekerjaan itu dan merasai pengalamannya. Akan tetapi, pelajar boleh mengurangkan risiko tersalah memilih sesuatu kerjaya dengan membuat perancangan kerjaya yang betul sejak dari awal-awal lagi. Justeru itu, para pelajar memerlukan bimbingan dan panduan memilih kerjaya dari pihak-pihak yang tertentu terutama sekali dari Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya yang terdapat di politeknik ini sendiri. Tanpa bimbingan dan panduan daripada unit ini, pelajar mungkin akan menghadapi kebuntuan dalam pekerjaan mereka kelak kerana pemikiran mereka semasa merancang kerjaya tidak tercapai dalam perkerjaan yang diceburi. Ini disebabkan kekurangan maklumat tentang keperluan lain yang tidak dipenuhi semasa membuat pemilihan pekerjaan.

Di samping itu juga, ada sesetengah pelajar menganggap unit ini adalah hanya berperanan untuk menyelesaikan masalah pelajar semata-mata. Pandangan seperti ini perlu diubah. Justeru, pelajar perlu dibimbing dan dilengkapi dengan pelbagai maklumat pekerjaan, terutamanya tentang prospek kerjaya, kelayakan, latihan dan kemahiran khusus yang diperlukan. Selain itu, Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya ini juga perlu membantu pelajar dalam menyesuaikan personaliti, minat, kebolehan dan keperluan diri pelajar dengan kejaya. Oleh itu, Unit Psikologi, Kaunseling & Kerjaya ini perlu diubah dan semua pelajar dapat menerimanya dan ia akan menjadi lebih berkesan. Selain itu juga diharapkan pelajar akan mendapatkan sebanyak mungkin maklumat tentang kerjaya bersesuaian dengan cita-cita dan kelulusan mereka melalui unit ini.

1.2 Latar belakang masalah

Pekerjaan merupakan suatu yang penting dalam kehidupan manusia dan manusia itu akan berasa puas dengan kehidupannya apabila memiliki sesuatu pekerjaan yang tetap serta terjamin. Pekerjaan juga boleh merubah seluruh tanggungjawab seseorang itu sehingga kepada tingkahlaku yang baik seperti dalam pertuturan dan juga berpakaian. Oleh disebabkan itu, perancangan kerjaya bagi seseorang pelajar haruslah memainkan peranan yang penting dan ia sebenarnya adalah suatu proses perkembangan yang berterusan. Bahkan, ia mungkin akan berterusan sehingga individu itu memasuki zaman di mana dia mula bekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan dan membuat keputusan apakah pekerjaan yang dipilihnya betul atau tidak.

Ini menunjukkan bahawa perancangan kerjaya adalah sesuatu proses yang berterusan dan amat penting pada kebanyakan individu ia adalah proses yang tidak pernah terhenti (Suradi, 2001).

Di samping itu juga remaja mahupun pelajar sendiri selalu menghadapi kesukaran dalam membuat pilihan dan keputusan tentang bentuk kerjaya mana yang perlu diceburi (Amir, 1993). Ini menunjukkan persediaan untuk menghadapi pekerjaan adalah satu proses yang kompleks. Ia menjadi lebih rumit lagi apabila mereka tidak mempunyai pengalaman dalam menentukan pekerjaan dan lemah dalam mempersiapkan diri dalam mencari pekerjaan yang sesuai. Tambahan pula, pemilihan bidang kerjaya pada hari ini semakin rumit disebabkan terdapatnya pelbagai kebolehan manusia. Di samping itu, kemajuan yang semakin pesat yang dialami oleh negara juga telah menyebabkan bidang pengkhususan pekerjaan turut berkembang. Akibatnya, pemilihan kerjaya yang tidak sehaluan dengan kehendak dan kebolehan diri, berkemungkinan besar ia akan menjalani kehidupan yang lebih sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

Selain itu, fenomena pelajar kurang berpengetahuan tentang sesebuah pekerjaan juga boleh menyebabkan pemilihan kerjaya mereka kurang bersesuaian dan tidak tepat. Terutamanya kepada graduan yang baru menamatkan pengajian dan tidak mempunyai pengalaman bekerja, pemilihan kerja yang tidak bertepatan akan menimbulkan konflik dalam diri pelajar dan ia sekaligus dapat memberi impak yang negatif terhadap kehidupan mereka pada masa akan datang (Azizi Yahaya *et al.*, 2004). Hal ini terjadi disebabkan mereka menganggap tiada sumber yang boleh memberikan mereka maklumat dengan tepat tentang sesuatu pekerjaan itu. Oleh disebabkan itu, apabila mereka bekerja kelak ia akan mendatangkan pelbagai implikasi seperti tekanan kerja, kebosanan serta sering bertukar pekerjaan. Oleh yang demikian pelajar yang sedang dalam proses membuat pemilihan tentang kerjaya perlu jelas dan mapan terhadap justifikasi pemilihan yang dibuat serta perlu merancangnya terlebih dahulu. Oleh itu, Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya adalah salah satu unit yang boleh dirujuk untuk menyelesaikan masalah ini. Ia meliputi perancangan kerjaya pelajar dalam organisasi, keserasian kerjaya yang dipilih dengan ciri personaliti diri, pembangunan dan pembinaan motivasi diri.

Pemilihan kerjaya yang tepat perlu diberi perhatian yang sewajarnya kepada pelajar serta graduan yang baru tamat belajar. Oleh disebabkan itu, masalah pemilihan kerjaya yang sering dikemukakan oleh pelajar merupakan kategori

masalah yang paling besar perlu dielakkan (Sharp & Marva, 2000). Di samping itu, Suradi (2004) telah memperturunkan dua sebab utama mengapa berlaku kesukaran apabila membuat pemilihan kerjaya di kalangan pelajar. Antaranya ialah:

- (i) Pelajar bermasalah dalam mencari maklumat, ketiadaan sumber tentang pekerjaan atau kerjaya yang boleh digunakan sebagai rujukan.
- (ii) Kekurangan kemahiran atau motivasi untuk mendapatkan maklumat tentang pekerjaan atau kerjaya yang akhirnya menimbulkan masalah identiti kepada seseorang pelajar itu.

Di samping itu juga, masalah lain yang terjadinya kesukaran untuk membuat pemilihan kerjaya di kalangan graduan adalah pengaruh dari keluarga serta rakan sebaya. Kebanyakan keluarga bukanlah penyumbang utama sumber maklumat yang lengkap tentang kelayakan yang diperlukan untuk berbagai-bagai jenis latihan dan kerjaya. Contohnya keluarga yang datang dari kalangan luar bandar, mereka tidak tahu bagaimana untuk membuat kajian tentang kekurangan dan keperluan tenaga pekerja pada masa akan datang. Akhirnya ramai graduan tidak serasi dengan pekerjaan yang dipilih tanpa nasihat dari golongan yang berpengalaman contohnya seperti kaunselor dan dari unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya sendiri.

Oleh disebabkan itu, peranan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya serta tahap penerimaan pelajar terhadap unit tersebut perlu diubah. Kedua-dua pihak perlu berada pada landasan yang betul bagi mencapai satu hala tuju yang sama. Perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya juga perlu lebih aktif memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat kerjaya yang terkini kepada pelajar. Rentetan itu, banyak kajian perlu dilakukan bagi memperkasakan perkhidmatan bimbingan yang sedia ada ke arah yang lebih baik. Kajian bagi pihak pelajar juga perlu dipelbagaikan bagi mendidik pelajar agar membuka sedikit ruang bukan sahaja kepada Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya malahan kepada semua bentuk perkhidmatan yang telah disediakan. Adalah wajar kedua-dua pihak saling memberi kerjasama kerana faedahnya adalah kepada kedua-dua pihak juga.

1.3 Pernyataan masalah

Perkhidmatan kaunseling dan kerjaya merupakan satu perkhidmatan yang dijalankan di semua Institusi Pengajian Tinggi awam seperti politeknik mahupun institusi swasta di seluruh negara. Pendedahan maklumat kerjaya daripada unit ini adalah amat penting untuk setiap pelajar bagi menentukan kehidupan seseorang individu pada masa hadapan. Namun begitu, fenomena pelajar tahun akhir politeknik tidak mengetahui bagaimana cara untuk merancang kerjaya menyebabkan pemilihan kerjaya mereka pada masa akan datang tidak sesuai dengan diri mereka. Oleh yang demikian, kerjaya adalah sesuatu yang amat penting dalam kehidupan seseorang, ia perlu diberi perhatian secara serius dari peringkat awal lagi.

Namun demikian masalah yang dikenal pasti berkaitan dengan unit ini adalah bagaimana untuk Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya serta kaunselor memainkan peranannya dalam mewujudkan perkhidmatan yang berkesan. Presiden Lembaga Kaunselor Malaysia, Ismail (mStar Online, 2011) menyatakan bahawa pada hari ini, setiap kaunselor hanyalah berperanan untuk mengadakan sesi kaunseling untuk pelajar yang mempunyai masalah semata-mata. Daripada pernyataan ini menunjukkan bahawa kaunselor lebih mementingkan kepada menyelesaikan masalah pelajar semata-mata tanpa membimbing pelajar dalam merancang kerjaya. Oleh hal demikian, kaunselor-kaunselor politeknik seharusnya perlu memberi penerangan kepada pelajar mengenai bidang pekerjaan bagi membantu pelajar memilih bidang pekerjaan yang sesuai dengan keperibadian pelajar serta bersesuaian dengan akademik pelajar kerana hal ini bersangkutan paut dengan masa depan pelajar itu sendiri. Sekiranya terdapat kaunselor yang lalai dalam tugas yang diberi, maka separuh dari aset negara akan hilang begitu sahaja. Di samping itu, para graduan pada hari ini sering membuat pemilihan kerjaya berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh keluarga, rakan sebaya dan pihak-pihak yang menaja pengajian mereka (Habibah, 2008). Ini menunjukkan pelajar-pelajar tidak menggunakan unit ini sebagai untuk merancang kerjaya bersama kaunselor. Persoalan yang timbul, adakah UPKK memainkan peranan dalam membantu merancang kerjaya pelajar.

Justeru itu, satu kajian dijalankan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya dalam membantu kerjaya pelajar politeknik. Kajian ini menfokuskan kepada tahap penerimaan pelajar terhadap

peranan perkhidmatan unit ini, peranan kaunselor terhadap unit ini dan juga tahap penglibatan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan oleh unit ini. Selain itu, pengkaji ingin mengenal pasti sama ada wujudnya perbezaan antara tahap keberkesanan perkhidmatan UPKK terhadap jabatan kejuruteraan di politeknik. Hasil penilaian yang akan diperolehi dapat menjadi kayu pengukur untuk menilai keberkesanan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya dalam membantu pelajar dalam merancang kerjaya.

1.4 Tujuan kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan perkhidmatan kaunseling dan kerjaya dalam membantu kerjaya pelajar semester enam di politeknik. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimaan pelajar politeknik terhadap peranan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya (UPKK) dalam membantu pelajar merancang kerjaya serta tahap penerimaan pelajar terhadap peranan kaunselor UPKK dalam penentuan kerjaya pelajar politeknik. Selain itu, kajian ini juga adalah bertujuan untuk melihat tahap penglibatan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan oleh UPKK. Seterusnya, melihat sekiranya terdapat perbezaan yang wujud di antara tahap keberkesanan perkhidmatan UPKK terhadap jabatan kejuruteraan di politeknik.

1.5 Objektif kajian

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti keberkesanan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya (UPKK) dalam membantu kerjaya pelajar di politeknik. Kajian ini secara keseluruhan, mengandungi empat objektif utama iaitu:

- (i) Mengetahui tahap penerimaan pelajar terhadap peranan perkhidmatan UPKK dalam membantu pelajar merancang kerjaya.
- (ii) Mengetahui tahap penerimaan pelajar terhadap peranan kaunselor dalam penentuan kerjaya pelajar.

- (iii) Mengenal pasti tahap penglibatan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan oleh UPKK.
- (iv) Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahap keberkesanan perkhidmatan UPKK terhadap jabatan kejuruteraan di politeknik.

1.6 Persoalan kajian

Secara khusus kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- (i) Bagaimanakah tahap penerimaan pelajar terhadap peranan perkhidmatan UPKK dalam membantu pelajar merancang kerjaya?
- (ii) Bagaimanakah tahap penerimaan pelajar terhadap peranan kaunselor dalam penentuan kerjaya pelajar?
- (iii) Sejauh manakah tahap penglibatan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan oleh UPKK?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahap keberkesanan perkhidmatan UPKK terhadap jabatan kejuruteraan di politeknik?

1.7 Hipotesis kajian

Hipotesis kajian dibina untuk mengetahui keberkesanan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya terhadap Jabatan Kejuruteraan dalam merancang kerjaya pelajar di politeknik. Oleh itu, hipotesis nul dan hipotesis alternatif ini dibuat bagi tujuan untuk menjawab soalan kajian seperti berikut:

- (i) Perbezaan di antara keberkesanan perkhidmatan UPKK terhadap Jabatan Kejuruteraan di politeknik.

Hipotesis nul,


Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahap keberkesanan perkhidmatan UPKK terhadap Jabatan Kejuruteraan di politeknik.

Hipotesis alternatif,

Ha: Terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahap keberkesanan perkhidmatan UPKK terhadap Jabatan Kejuruteraan di politeknik.


1.8 Kerangka konsep kajian

Merujuk kepada Rajah 1.1, menfokuskan kepada keberkesanan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya. Keberkesanan dijadikan ukuran bagi menilai dan membuktikan peranan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya sama ada akan memenuhi keperluan pelajar atau tidak. Pengkaji telah menetapkan empat aspek keberkesanan iaitu aspek penerimaan pelajar terhadap perkhidmatan unit ini, aspek penerimaan pelajar terhadap peranan kaunselor, aspek keterlibatan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan oleh unit ini, dan perbandingan perkhidmatan UPKK terhadap jabatan kejuruteraan. Keempat-empat aspek keberkesanan ini akan menghasilkan kejayaan di dalam perancangan kerjaya. Oleh itu, kesemua aspek-aspek tersebut perlu dimainkan oleh Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya secara aktif dan konsisten. Ini kerana pelajar tidak mampu untuk memahami dengan lebih jelas tanpa bimbingan daripada unit ini. Kerangka konsep kajian adalah mengikut kesesuaian kajian merujuk kepada kerangka konsep yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Kerangka konsep kajian

Komponen utama kerangka konsep kajian ini adalah terdiri daripada keberkesanan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya. Pengkaji menetapkan empat aspek keberkesanan dalam mencapai kejayaan dalam perancangan kerjaya. Bagi aspek penerimaan pelajar terhadap perkhidmatan unit ini, pengkaji telah membahagikan kepada tiga bahagian iaitu persepsi pelajar, peranan UPKK dan strategi unit ini membantu pelajar. Bagi aspek penerimaan pelajar terhadap peranan kaunselor pula, tertumpu kepada maklumbalas pelajar terhadap kaunselor, pendedahan kepada pelajar, peranan yang dimainkan oleh kaunselor dan maklumat kerjaya yang diberikan oleh kaunselor. Aspek keterlibatan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan oleh unit ini pula, pengkaji akan tertumpu kepada penglibatan pelajar terhadap unit ini serta penglibatan pelajar dalam aktiviti yang dijalankan oleh unit ini. Aspek perbandingan di antara tahap keberkesanan perkhidmatan antara kursus pula adalah aspek yang terakhir. Penerangan secara terperinci mengenai kerangka konsep kajian yang hendak dikaji ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1.2: Penerangan kerangka konsep kajian

1.9 Kepentingan kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah mensasarkan kepentingan kajian ini kepada beberapa pihak. Kajian ini dapat memberikan kefahaman tentang peranan dan perkhidmatan yang perlu ada pada setiap Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya serta pada setiap kaunselor-kaunselor di politeknik dalam merangka program dan aktiviti yang selaras dengan keperluan objektif dan matlamat pelajar. Di samping itu, kepentingan kajian ini juga dapat mengubah tanggapan pelajar terhadap Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya yang menanggap unit ini hanya untuk menyelesaikan masalah pelajar semata-mata tetapi ia sebagai platform rujukan terbaik tentang prospek kerjaya dan pelajar dapat menerima baik setiap perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya. Akhir sekali, ia dapat memberi kefahaman kepada semua kaunselor politeknik dan pihak Kementerian Pengajian Tinggi tentang peranan sebenar penubuhan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya di politeknik.

1.10 Skop kajian

Skop kajian ini adalah berkenaan dengan keberkesanan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya dalam membimbing kerjaya pelajar di politeknik. Kajian ini menumpukan kepada usaha untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan untuk mengenal pasti tahap penerimaan pelajar terhadap keberkesanan perkhidmatan unit, peranan kaunselor dan juga mengenalpasti tahap keterlibatan pelajar dalam mengikuti aktiviti yang dijalankan oleh unit ini. Di dalam mengenal pasti tahap keberkesanan perkhidmatan unit ini, terdapat tiga aspek yang ingin dikenal pasti iaitu persepsi pelajar, peranan unit ini dan juga strategi unit dalam membantu pelajar merancang kerjaya. Manakala untuk mengenal pasti tahap penerimaan pelajar terhadap peranan kaunselor terbahagi kepada empat aspek iaitu maklumbalas pelajar, pendedahan kepada pelajar, peranan kaunselor dan juga maklumat kerjaya. Tahap keterlibatan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan pula terbahagi kepada dua aspek iaitu penglibatan pelajar terhadap unit dan juga terhadap aktiviti.

1.11 Batasan kajian

Kajian ini hanya mengehadakan proses pengumpulan data tertumpu kepada pelajar diploma semester 6 bagi tiga jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di dua buah politeknik di Semenanjung Malaysia iaitu Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Politeknik Ungku Omar. Pemilihan politeknik sebagai lokasi kajian adalah kerana kesemua politeknik menawarkan bidang kejuruteraan yang berteraskan *hands-on*. Oleh itu, pemilihan lokasi ini ialah pilihan yang sesuai untuk membuat kajian. Pelajar semester 6 ini pula dipilih sebagai responden kajian adalah untuk melihat sejauh mana pelajar politeknik menggunakan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya sebagai tempat rujukan yang baik untuk merancang kerjaya. Pemilihan pelajar ini juga adalah berdasarkan daripada pelbagai latar belakang akademik yang bersesuaian dengan tajuk kajian.

Penyelidik membataskan reka bentuk kajian kuantitatif secara tinjauan dan alat ukur statistik yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang akan mengukur tahap keberkesanan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya. Walaupun begitu, kajian ini turut dibataskan dengan pemboleh ubah yang tidak dapat dikawal oleh penyelidik iaitu melalui alat ukur yang digunakan di mana penyelidik perlu mengambil kira kefahaman, penafsiran dan kejujuran responden.

1.12 Definisi operasi

Definisi istilah adalah penting dalam sesuatu kajian kerana dapat mengelakkan sebarang kekeliruan kepada pembaca. Selain dari itu, definisi istilah juga dapat menerangkan maksud sebenar pengkaji terhadap penggunaan sesuatu istilah di dalam kajian mereka. Di bawah ini terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini iaitu:

(i) Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya

Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya adalah satu unit untuk membantu perkembangan pelajar ke arah kecemerlangan akademik, sosial, peribadi, spiritual

dan kerjaya melalui perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pengawalan Program Perkhidmatan Kaunseling dan Kerjaya secara berkesan di Politeknik seluruh Malaysia. Unit ini juga adalah penting dalam membantu individu ke arah mendapat kerjaya atau suatu kerja yang akan menyempurnakan kehidupan sekaligus dapat mencapai kepuasan kerjaya berdasarkan kepada kecenderungan, kebolehan dan perwatakan individu tersebut. Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya yang terlibat di dalam kajian ini ialah Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Unit Kaunseling Politeknik Ungku Omar, Perak.

(ii) Politeknik

Politeknik merupakan institusi pengajian awam kerajaan yang disediakan untuk lepasan sekolah menengah berdasarkan pemilihan tertentu. Ia menyediakan pelbagai kursus pada peringkat diploma dengan memberi pendidikan dan latihan formal kepada pelajar-pelajar sebagai persediaan mereka melangkah ke alam kerjaya. Sebagai salah satu pusat pengajian, maka adalah menjadi misi kesemua politeknik di Malaysia ini untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berwibawa dari segenap segi. Dua buah politeknik yang terlibat dalam kajian ini adalah Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah dan Politeknik Ungku Omar, Perak.

(iii) Pelajar politeknik

Pelajar politeknik merupakan pelajar lepasan SPM/SPMV yang menyambung pengajian dalam pelbagai bidang yang ditawarkan di politeknik. Pelajar politeknik yang terlibat di dalam kajian ini adalah pelajar tahun akhir Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Kejuruteraan Awam. Pelajar-pelajar ini juga telah menjalani latihan industri selama satu semester.

(iv) Keberkesanan

Dalam kajian ini, keberkesanan merujuk kepada hasil yang diperoleh daripada perkhidmatan kaunseling dalam membantu kerjaya pelajar. Hasil diperoleh dengan melihat kepada tahap penerimaan pelajar kepada perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya di politeknik.

(v) Penerimaan

Pengalaman atau proses menerima secara formal sesuatu perkhidmatan atau situasi yang telah sedia ada ataupun baru ditubuhkan di mana seseorang itu tidak mempunyai niat untuk mengubah perkhidmatan atau situasi tersebut. Maksud penerimaan dalam kajian ini ialah pengalaman pelajar politeknik terhadap peranan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya.

(vi) Maklum balas

Maklum balas bagi kajian ini ialah untuk mengetahui tindak balas pelajar terhadap peranan perkhidmatan unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya ini.

(vii) Persepsi

Dalam psikologi, persepsi merupakan proses mendapatkan kesedaran dan pemahaman yang telah diberikan berdasarkan penilaian seseorang terhadap sesuatu sistem atau bentuk perkhidmatan. Persepsi dalam kajian ini adalah untuk melihat dari sudut tanggapan pelajar serta kefahaman pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling dan kerjaya ini.

(viii) Pendedahan

Pendedahan pada kajian ini merujuk kepada pendedahan yang diterima oleh pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling dan kerjaya di politeknik. Contohnya berkaitan pendedahan umum yang biasa digunakan oleh unit ini untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar.

(ix) Keterlibatan

Penglibatan atau keterlibatan ialah perlakuan perkongsian dalam aktiviti sesuatu kumpulan. Keterlibatan dalam kajian ini mengambil kira melihat sejauh mana penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti dan program-program yang telah dirancang oleh Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya.

(x) Kerjaya

Kerjaya merujuk kepada penglibatan yang berterusan serta perkembangan dan kemajuan seseorang di dalam sesuatu lapangan ataupun satu kaedah bagi seseorang menyambung kehidupan. Kerja pula ditafsirkan sebagai usaha, pekerjaan, tugas atau sesuatu urusan yang dilakukan dengan perbuatan.

(xi) Kaunselor

Kaunselor merupakan seseorang yang dipertanggungjawabkan sebagai pemberi khidmat kepada orang lain yang benar-benar memerlukan khidmat bimbingan dan kaunseling. Peranan kaunselor dalam memberi bimbingan dan nasihat mungkin boleh mempengaruhi kliennya. Tetapi pada dasarnya, peranan kaunselor hanyalah sekadar memberi tunjuk ajar dan nasihat dan bukannya menyelesaikan masalah kliennya. Dalam kajian ini kaunselor bermaksud pembimbing dan penasihat pelajar dalam menentukan pemilihan kerjaya pelajar politeknik.

1.13 Rumusan

Di dalam bab ini pengkaji membuat perbincangan mengenai pendahuluan bagi kajian. Menerusi bab ini juga pengkaji menentukan persoalan kajian dan objektif kajian yang perlu dicapai pada akhir kajian ini. Di samping itu, membincangkan secara terperinci mengenai kerangka konsep kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian dan definisi operasi. Perbincangan yang terperinci dilakukan dalam bab yang seterusnya.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Tujuan kajian literatur ditulis adalah untuk mengetahui keberkesanan perkhidmatan kaunseling dalam membantu kerjaya pelajar tahun akhir. Kajian literatur juga adalah berdasarkan andaian-andaian daripada pengkaji-pengkaji terdahulu tentang kajian mereka yang telah dikumpulkan daripada apa yang mereka telah pelajari dan bina sebelum ini. Sorotan kajian merupakan bahagian yang amat penting dalam setiap kajian yang hendak dilakukan kerana ia mempunyai pembolehubah-pembolehubah yang penting dalam kajian. Setiap butiran dalam sorotan kajian adalah untuk menerangkan kepentingan kepada kajian yang hendak dilakukan. Di dalam bab ini juga menerangkan teori-teori yang berkaitan dengan kaunseling kerjaya.

2.2 Perkhidmatan bimbingan kaunseling dan kerjaya

Perkhidmatan bimbingan kaunseling dan kerjaya di politeknik berfungsi sebagai proses membantu pelajar secara berterusan dan mengenalpasti serta memenuhi keperluan-keperluan pendidikan, pekerjaan, aras-aras peribadi serta sosial mereka. Kaunseling membantu pelajar membina kecekapan membuat keputusan dan merancang masa depan. Bimbingan pula merupakan sebahagian daripada pendidikan dan tidak terhad kepada bimbingan dalam sudut penyampaian ilmu pengetahuan semata-mata.

Di dalam kajian ini salah satu skop bimbingan adalah merujuk kepada bimbingan kerjaya. Bimbingan kerjaya adalah boleh dijelaskan sebagai salah satu alat untuk menolong seseorang pelajar atau graduan untuk memilih pekerjaan yang diminati dan bersesuaian dengan kebolehan, minat dan kecenderungan berdasarkan perwatakannya. Justeru itu, peranan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya perlu lebih aktif dan terkenal kerana bimbingan dari unit ini merupakan satu cabang pendidikan yang perlu diketahui oleh setiap individu khususnya pelajar yang berkaitan dengan pendidikan kerjaya. Tambahan pula prospek sesuatu pekerjaan itu sangat luas contohnya bidang kejuruteraan sahaja menawarkan pelbagai bentuk pekerjaan di mana sumber maklumat pekerjaan adalah lebih banyak boleh didapati di unit ini.

2.3 Definisi bimbingan

Bimbingan adalah satu proses pengarahan oleh seseorang pengurus untuk melatih dan mengoreintasi seorang pekerja terhadap realiti yang ada di tempat kerja dan membantu pekerja menghapuskan halangan demi mencapai prestasi kerja yang optimum (Minor, 1998). Bimbingan juga merupakan sebahagian daripada proses menolong (Krumboltz, 1996). Di samping itu, bimbingan berfokus kepada membantu individu memilih apakah yang paling mereka inginkan dan hargai (Gladding, 2003). Bimbingan juga adalah memberi bantuan dan bukannya arahan atau membuat pilihan untuk individu tentang apa yang harus dilakukan.

Rasional perlunya bimbingan kepada pelajar politeknik adalah untuk memberikan bantuan kepada pelajar untuk membuat pilihan dan penyesuaian dalam

hidupnya. Justeru itu, mereka memerlukan bantuan untuk membuat pemilihan kerjaya yang bermakna iaitu kerjaya yang sesuai dengan minat, kebolehan, bakat, dan ciri-ciri keperibadian mereka. Selain itu, pelajar juga memerlukan bimbingan untuk melengkapkan diri mereka dengan kelayakan dan kemahiran serta untuk membuat persediaan memasuki bidang kerjaya yang mereka pilih.

2.4 Objektif dan matlamat perkhidmatan bimbingan kaunseling kerjaya

Objektif bimbingan kaunseling kerjaya adalah untuk membantu pelajar memperoleh pengalaman pendidikan yang bermakna melalui pemahamannya dalam dunia pekerjaan. Untuk mencapai objektif ini pelajar-pelajar perlu menilai diri, bakat dan kebolehan mereka dalam melakukan kerja-kerja yang berguna dan produktif. Objektif bimbingan kaunseling kerjaya adalah untuk membantu pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya yang realistik. Di samping itu juga, ia dapat membantu pelajar dalam memperoleh kematangan serta kefahaman kerjaya.

Matlamat perkhidmatan bimbingan kerjaya ini ialah untuk membantu atau memberi jalan agar manusia dapat mengurus dirinya sendiri sama ada dari segi mental, perasaan, kerohanian, dan tingkah laku. Selain itu, matlamat perkhidmatan ini juga adalah untuk membantu klien bertanggungjawab ke atas dirinya, memperbaiki imej diri yang negatif, mengajar klien untuk menyesuaikan diri dengan keadaan, membantu klien untuk menjadi lebih produktif, membimbing klien mencari dan memupuk sumber dalaman dan mempertingkatkan kemampuan klien membuat keputusan dan membantu menyelesaikan masalah yang belum selesai dalam hidup klien itu (Ahmad Ibrahim, 1992).

2.5 Keberkesanan perkhidmatan bimbingan kaunseling kerjaya

Perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya merupakan satu program perkhidmatan bimbingan yang menyampaikan maklumat yang sahih tentang pendidikan, pekerjaan dan sosial kepada pelajar. Maklumat kerjaya pula merupakan bahan maklumat yang berkaitan dengan dunia pekerjaan. Maklumat ini disediakan khas untuk menolong pelajar memperoleh maklumat yang sahih tentang peluang

pekerjaan semasa dan peluang pekerjaan akan datang. Di samping itu, adalah wajar para pelajar dewasa ini diberikan maklumat kerjaya seawal mungkin terutama semasa pelajar itu masih dibangku sekolah lagi dan berterusan semasa pelajar berada di institut pengajian. Ini memudahkan pelajar itu merancang pekerjaan mereka lebih awal. Pendedahan pada peringkat ini adalah paling baik kerana pelajar pada peringkat ini berada dalam tahap perkembangan dan penerokaan (Super, 1980). Selain itu, kemahiran berfikir juga dapat diaplikasikan berdasarkan kepada proses menganalisis dan menilai sesuatu fakta yang disampaikan. Contohnya pelajar itu dapat menilai dan menganalisis pekerjaan yang sesuai untuk masa depan mereka (Ismail, 2002).

2.6 Penerimaan pelajar terhadap peranan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya

Pada hari ini, terdapat jurang yang besar antara Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya, kaunselor serta pelajar dan ada yang menganggap bidang bimbingan kerjaya ini merupakan satu bidang yang sangat ketinggalan di Malaysia. Buktinya, Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya hanya ditubuhkan untuk memenuhi syarat pendidikan sahaja (Ann, 2001). Di samping itu, ramai kaunselor yang sekarang berkhidmat di institut pengajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang amat sedikit berkaitan maklumat kerjaya, tidak aktif dan tidak memahami profesion sebenar kaunselor. Selain itu, tahap penerimaan pelajar terhadap perkhidmatan ini juga sederhana dan amat menyedihkan. Kebanyakan pelajar menganggap unit ini hanya untuk menyelesaikan masalah-masalah disiplin dan masalah peribadi sahaja (Juriah, 2004).

Oleh disebabkan itu, jelas dan wajar Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya perlu diberi suntikan baru supaya ia mampu berperanan sebagaimana yang diharapkan dalam memberi seberapa banyak maklumat kerjaya yang sahih kepada pelajar. Perkataan sahih di sini bermakna data itu tepat, betul dan boleh dipercayai kerana ia berasal daripada sumber yang bertepatan dengan masa dan seimbang. Antara maklumat kerjaya yang penting yang perlu diberikan ialah maklumat yang mengandungi butir-butir kelayakan dan syarat-syarat untuk memasuki pekerjaan, keadaan bekerja, gaji yang ditawarkan dan lain-lain lagi. Kelayakan untuk memasuki

kerjaya itu juga termasuklah faktor yang berkait rapat dengan ciri-ciri peribadi pemohon, persediaan yang telah dibuat, kelayakan akademik, latihan dan pengalaman dan cara memohon atau mendapatkan jawatan itu. Selain itu, Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya ini juga perlu mengadakan aktiviti-aktiviti yang boleh menarik minat pelajar untuk mendekati unit ini contohnya aktiviti seperti cara membuat *resume* dengan betul.

2.7 Perancangan kerjaya

Kebanyakan pelajar tidak jelas tentang kepentingan merancang kerjaya. Sebenarnya, perancangan yang baik membolehkan peluang pelajar untuk mendapatkan pekerjaan adalah sangat tinggi. Oleh disebabkan itu, merancang dalam aspek kerjaya adalah penting dan perlu diketahui setiap individu ataupun pelajar yang sedang dalam proses membuat pemilihan kerjaya, persediaan kerjaya, mendapatkan kerjaya, meneroka kerjaya, dan membuat penyesuaian kerjaya (Havighurt, 1987). Dengan kaedah ini, seseorang pelajar itu akan mendapatkan sedikit gambaran tentang kerjaya yang diminati dan sentiasa berusaha untuk mendapatkan kerjaya tersebut.

Di samping itu, sesuatu kerjaya yang akan diceburi oleh seseorang individu sebenarnya memberi kesan yang besar kepada kehidupannya. Apabila individu bekerjaya sepenuh masa sepanjang hayatnya, maka dia lebih menghabiskan separuh daripada masanya dengan berjaga bagi bekerja. Oleh disebabkan itu, individu ini, tidak dapat meluangkan masa dalam aktiviti-aktiviti lain yang boleh dilakukannya bersendirian. Oleh itu, untuk membuat keputusan yang tepat tentang kerjaya adalah suatu perkara yang penting. Memilih kerjaya adalah sesuatu perkara yang perlu dirancang terlebih dahulu.

Proses perancangan kerjaya yang baik sebenarnya melibatkan tiga peringkat asas. Ia perlu dilaksanakan satu persatu mengikut urutannya bagi mendapatkan hasil yang memuaskan. Tiga peringkat asas dalam merancang kerjaya adalah dinyatakan oleh Harris-Bowlsbey, Spivack & Lisansky (1983) dalam Najmuddin (2006), adalah:

- (i) Mendapatkan kefahaman berkaitan diri sendiri: Individu mendapatkan maklumat tentang diri sendiri yang meliputi cara dia membuat keputusan, matlamat peribadi, konsep sendiri, minat, kemahiran dan pengalaman.

- (ii) Mendapatkan kefahaman berkaitan kemahiran persekitaran di mana dia hidup: Individu mendapatkan maklumat berkaitan persekitarannya yang meliputi kefahaman tentang organisasi dunia kerjaya, pilihan-pilihan kerjaya dan maklumat tentang kerjaya tersebut.
- (iii) Mengintegrasikan antara maklumat diri dan maklumat berkaitan dunia pekerjaan: Individu akan menggabungkan kedua-dua maklumat yang diperoleh tentang diri sendiri dan dunia pekerjaan untuk membuat keputusan yang tepat dan seterusnya mengambil tindakan untuk melaksanakan keputusannya.

Merancang sesuatu pekerjaan adalah suatu tindakan yang bijak, meskipun apa yang dirancang tidak semuanya dapat dicapai. Perancangan sebenarnya dapat menunjukkan cara bagaimana individu itu bersedia menghadapi hidupnya bagi mencapai kejayaan tersebut. Pelajar yang tidak membuat perancangan sebenarnya adalah pelajar yang merancang untuk kegagalan dirinya sendiri.

2.8 Cabaran pemilihan kerjaya kepada pelajar

Terdapat tiga cabaran utama mengapa berlaku kesukaran membuat pemilihan kerjaya dikalangan remaja atau pelajar iaitu pelajar mempunyai minat dalam pelbagai bidang, minat tidak jelas dan tidak mempunyai minat langsung. Kedua, pelajar tidak dapat mengagak dengan baik minatnya, kebolehannya dan personalitinya serta kekurangan pengetahuan dan maklumat tentang kerjaya (Amir, 1993).

2.9 Peranan kaunselor dalam kaunseling kerjaya

Di dalam memberikan kaunseling kerjaya adalah penting bagi setiap kaunselor untuk memahami dan juga menyampaikan pemahaman berkenaan dengan kerjaya kepada setiap klien, bertingkah laku dan mempunyai pandangan yang positif terhadap individu dengan menghormati individu tersebut (Krumboltz, 1996). Sebagai seorang kaunselor juga ia berperanan dalam menyelaraskan semua aktiviti bimbingan kerjaya dengan disokong oleh aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum. Di samping itu, ciri-ciri kelayakan seseorang kaunselor juga adalah sesuatu yang disifatkan penting bagi

menangani segala keperluan untuk menggerakkan sesebuah unit perkhidmatan kaunseling dan kerjaya. Hal ini disebabkan kaunselor lebih berperanan dalam menentukan arah perkhidmatan seumpama ini.

Sebagai kaunselor, semasa memberikan kaunseling, kaunselor perlu bersikap menerima, mencuba memahami klien, memahami apa yang klien sampaikan dan tidak bersikap mengadili. Oleh itu, dalam kaunseling kerjaya, kaunselor seharusnya perlu memahami minat dan keperluan pelajar dalam satu-satu bidang atau kerjaya yang disukai mereka berdasarkan pencapaian akademik pelajar tersebut. Seterusnya kaunselor dapat membantu pelajar-pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya mereka setaraf dengan pencapaian dan kesesuaian mereka.

Proses menyampaikan maklumat akan menjadi lebih berkesan jika kaunselor mempunyai tujuh (7) kemahiran dalam memberi kefahaman kepada pelajar itu iaitu (Brammer, 1973):

- (i) Kemahiran mendengar iaitu merangkumi memberi perhatian, memprafasa, menjelaskan dan memeriksa persepsi.
- (ii) Kemahiran memimpin termasuklah memimpin secara tidak langsung, secara langsung, memberi focus dan menyoal.
- (iii) Kemahiran refleksi merangkumi refleksi isi, refleksi perasaan, refleksi isi dan perasaan dan refleksi pengalaman.
- (iv) Kemahiran merumus pula ialah merumuskan perasaan, isi dan proses.
- (v) Kemahiran mengkonfrantasi termasuklah konfrantasi dalam menghuraikan perasaan, menyatakan perasaan, memberi maklum balas, mengulang dan mengait.
- (vi) Kemahiran mentafsir seperti menjelaskan, menyoal dan berfantasi.
- (vii) Kemahiran memberi maklumat adalah seperti memberi nasihat, komen, cadangan dan saranan tentang sesuatu perkara.

2.10 Teori perkembangan kerjaya

Perkembangan kerjaya adalah suatu proses yang berterusan. Ia bermula dengan gambaran atau pengertiannya kanak-kanak tentang alam pekerjaan yang diikuti

dengan pembesarannya sebagai belia yang memilih pekerjaan dalam suatu bidang yang diminati sehingga kepada peringkat dewasa. Terdapat banyak teori-teori perkembangan kerjaya yang boleh membantu dalam membentuk kerjaya individu. Antara perintis-perintis teori perkembangan kerjaya adalah seperti teori pemilihan kerjaya Holland, teori Ginzberg berkenaan dengan pemilihan kerjaya, teori Super berkenaan dengan kemajuan konsep diri dalam tingkah laku kerjaya dan juga teori pendekatan Anne Roe tentang teori keperibadian dalam pemilihan kerjaya.

2.10.1 Teori Holland

Teori Pemilihan Kerjaya Holland merupakan hasil kajian Holland terhadap personaliti dan cara berkelakuan dengan alam persekitaran mempengaruhi pemilihan dan perkembangan kerjaya. Teori ini dibentuk berasaskan andaian bahawa minat vokasional adalah satu daripada aspek personaliti dan oleh yang demikian deskripsi tentang minat individu juga menggambarkan personaliti seseorang. Holland telah mengemukakan empat (4) andaian berikut:

- (i) Terdapat enam (6) alam persekitaran yang mempengaruhi individu iaitu realistik, investigatif, artistik, sosial, berdaya saing dan konvensional.
- (ii) Hampir semua individu dikategorikan dalam salah satu daripada enam (6) personaliti iaitu realistik, investigatif, artistik, sosial, berdaya saing dan konvensional.
- (iii) Individu akan mencari persekitaran-persekitaran yang memberikan mereka peluang mengamalkan kemahiran-kemahiran dan kemampuannya, melahirkan sikap dan nilai-nilainya dan mengambil segala permasalahan dan peranan yang dipersetujui yang wujud dalam persekitaran tersebut..
- (iv) Perlakuan individu dipengaruhi oleh personaliti dan alam persekitaran.

Teori Pemilihan Kerjaya Holland sudah menjadi lebih teguh dan menerima sokongan yang padu daripada kebanyakan pengamal kaunseling. Oleh itu, dengan wujudnya berbagai-bagai ujian psikologi yang dibina atas teori ini, usaha membimbing klien membuat keputusan yang tepat bagi dirinya menjadi lebih berkesan. Teori ini juga sering digunakan dan popular dalam kebanyakan

RUJUKAN

- Abdullah, A. (2001). Sistem kuota jejak prestasi pelajar melayu di IPT? *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia* 2, ms. 90-96.
- Abdullah, J. (2004). *Kaunseling*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghafar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: UTM.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai: UTM.
- Abdullah, M. M. (1987). *Kaunseling Teori, Proses dan Kaedah*. Petaling Jaya. Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Ibrahim, M. A. (1992). *Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim, M. A. (2006). *Kaunseling Individu: Apa dan Bagaimana*. Edisi Kedua. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Alias, D. D. I. (2011, Januari 22). *Pelajar Stress: Guru Kaunselor Perlu Kreatif*. *mStar Online*. Dicapai pada April 1, 2011, dari http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/1/22/mstar_berita/20110121153939&sec=mstar_berita
- Ann Reo (1982). *Social Learning Theory*. New Jersey: Prentice Hall.

- Asha'ari, N. L. (2006). Keterampilan sosial di kalangan pelajar Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di Negeri Melaka. *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana*
- Awang, A. (1993). Bimbingan vokasional dalam sistem pendidikan aneka jurusan. *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia*. 1, ms. 12-19
- Yahaya, A. *et al.*, (2004). Ciri-ciri personaliti dalam pemilihan kerjaya pelajar, gaya pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian akademik. *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Brammer, L. M. (1973). *The Helping Relationship: Process and Skills*. New Jersey: Prentice Hall
- Dahalan, A. F. (2006). Penggunaan teknologi dalam pembelajaran kejuruteraan elektrik di politeknik malaysia. *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana*.
- Ginzberg, E. *et al* (1951). *Occupational Choice: An Approach to a General Theory*. New York: Columbia University Press.
- Gladding, N.C (2003). *The Vocational Guidance Quartely*. Houghton Mifflin. Co.
- Harun, M. K. (2004). Faktor-faktor mempengaruhi pelajar memilih kursus automotif sebagai pembentukan awal kerjaya di sekolah menengah teknik di Terengganu. *Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda*.
- Havighurst (1987). "*Development Taks and Education*." New York: Longman Green
- Hittlemean, N. J. & Somin, J. R. (1997). *Research Method*. Ohio: Charles E. Merill Pub. Co.
- Holland J. L. (1973). *Making Vocational Choice*. New Jersey: Practice Hall
- Idid, S. A. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms. 89-104

- Jusoh, I. (2002). Sedutan dapatan projek penyelidikan pendidikan di Simanjun: pengajaran dan penaakulan saintifik. *Universiti Sains Malaysia: Tesis Ph. D.*
- Konting, M. M. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size for Research.* Educational and Psychology Measurement. 30, ms. 607-610
- Krumboltz, J.D. (1996). A second look at the revolution in counseling. *Journal of Personel and Guidance.*
- Leviton (1997). Feedback on a secondary look at the revolution in counseling. *Journal of Personel and Guidance.* 463-466
- Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial.* Petaling Jaya, Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Md Suhaimi & Dasimah (2006). Kematangan kerjaya di kalangan pelajar bumiputera di sekolah bandar dan luar bandar. *Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Ph.D*
- Minor, M. (1998). *Ke arah Pengurusan Cemerlang, Kaunseling dan Bimbingan.* Penerbit Pelangi Sdn. Bhd. Selangor. ms. 2
- Mohamad, N. (2007). Hubungn antara beban tugas dengan keresahan guru sekolah menengah teknik di Johor. *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana*
- Mohd Noah, S. (1998). Nota kuliah maklumat kerjaya, Jabatan Pendidikan Kaunselor & Psikologi Kaunseling. Universiti Putra Malaysia.
- Prof. Madya Dr. Sidek *et al.*, (1990). Status dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan kaunseling dan kerjaya di sekolah menengah di semenanjung malaysia. *Universiti Putra Malaysia: Tesis Ph.D*

- Mohd Salleh, A., Mahmud, Z. & Amat, S. (2006). *Bimbingan dan Kaunseling Sekolah*. UKM: Bangi.
- Najmuddin, H. (2006). *Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ninggal, M. T. (2006). Malaysian graduates attitude toward counseling and career services in public universities: Are they the same?. *Jurnal Perkama*, 14 55-69.
- Asha'ari, N. L. (2006). Keterampilan sosial di kalangan pelajar Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di Negeri Melaka. *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana*
- Remeli, H. (2008). Penerimaan pelajar tahun akhir politeknik terhadap peranan unit bimbingan kerjaya dalam perancangan kerjaya. *UTHM: Tesis Sarjana*
- Salim, S. (2001). *Bimbingan dan kaunseling*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Salim, S. (2004). *Perkhidmatan Kaunseling di Malaysia: Perkembangan, Cabaran dan Halangan*. Universiti Malaya: Syarahan Perdana. ms.17-18
- Saruwono, R. (2005). *Siswazah dan Kerja*. Naib Presiden (Pendidikan) Petronas, Universiti Teknologi Petronas, Perak.
- Sipon, S. (2001). Kepimpinan profesional kaunselor sekolah: realiti atau mitos. *Prosiding Seminar Kempimpinan Profesional dan Akademik dalam Pendidikan Guru Alaf Baru*. ms. 34
- Sharp & Marva (2000). *The Need for More Systematic Guidance Service*. Boston : Houghton Mifflin, Co.
- Shertzer, B. & Stone, S. C. (1992). *Fundamental of Counseling*, (2ed). Boston: Houghton Mifflin
- Super, D.E. (1980). A life span, life space approach to career development. *Journal of Vocational Behavior*. 282-298

Vogel, D. L., Wade, N. G., & Haake, S. (2006). Measuring the self-stigma associated with seeking psychological help. *Journal of Counseling Psychology, 53*, ms. 325±337.

Wiersma, W. (1995). *Research Method in Education: An Introduction*. Boston: Allyn and Bacon.